

02 JUL 1996

Mahathir - SUKOM

DR MAHATHIR HARAP SUKARELAWAN BERBANGGA JAYAKAN SUKOM

ALOR SETAR, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu sukarelawan Sukan Komanwel 1998 berbangga dengan sumbangan mereka menjayakan sukan itu di negara ini tanpa terlalu mengharap imbuhan.

Perdana Menteri melahirkan harapan itu pada mesyuarat Majlis Sukan Komanwel di Kuala Lumpur semalam, demikian menurut Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis penerangan program Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, Muhyiddin berkata Perdana Menteri berharap rakyat berbangga membantu menaikkan imej dan kecemerlangan negara manakala mereka yang menjadi sukarelawan mesti sanggup berkorban dengan memastikan sukan itu berjaya tanpa dibayar imbuhan yang terlalu banyak.

"Perdana Menteri berkata itu mungkin sumbangan sekali dalam hidup mereka...tak tahu bila pula kita dapat mengadakan sukan seumpama itu," kata Muhyiddin.

Sebanyak 15,000 sukarelawan diperlukan untuk menjayakan sukan itu. Pendaftaran bagi sukarelawan akan dilancarkan bulan depan.

Muhyiddin berkata sukarelawan itu akan diambil secara beperingkat, dengan jumlah yang ramai akan diambil apabila sukan itu hampir dilangsungkan.

Penggunaan tenaga sukarela itu dicontohi daripada pengalaman negara-negara luar yang pernah menganjurkan sukan besar tanpa mengeluarkan bayaran yang banyak.

Muhyiddin berkata mesyuarat semalam juga mendapatkan laporan daripada jawatankuasa-jawatankuasa termasuk laporan infrastruktur dan kemudahan sukan, persediaan atlit, pelancongan dan kecantikan bandar serta publisiti dan komunikasi.

Sukan itu dijadual berlangsung dari 1 hingga 10 Sept. -- BERNAMA

BD MAI